

# **Impak Modal Sosial Terhadap Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Di Malaysia**

## ***Impact of Social Capital on the Household Income Group in Malaysia***

Noorasiah Sulaiman  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Fairuz Fauzi  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Nasir Mohd Saukani  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh modal sosial terhadap pendapatan isi rumah di Malaysia. Berasaskan data beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia, sejumlah 1899 sampel isi rumah bekerja telah diperolehi pada tahun 2012 dan 2013. Kajian ini menggunakan penganggaran model regresi logit berperingkat/tersusun (*ordered logit*) bagi menganalisis impak modal sosial terhadap tingkat pendapatan isi rumah bekerja di Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan pemboleh ubah modal sosial yang digunakan memberikan kesan positif ke atas kumpulan pendapatan isi rumah tertinggi dan sederhana. Antara pemboleh ubah yang mempengaruhi adalah penglibatan dalam persatuan, hubungan dengan rakan menerusi media sosial dan perkongsian maklumat. Kajian ini membuktikan bahawa modal sosial didapati mempengaruhi tingkat pendapatan isi rumah sekaligus membantu tahap sosio ekonomi penduduk Malaysia.

Kata kunci: modal sosial, elemen modal sosial, model logit tersusun, kumpulan pendapatan isi rumah

### **ABSTRACT**

*This study aimed to analyze the effect of social capital on household income in Malaysia. Based on data from several states in Peninsular Malaysia, a total of 1,899 households in the sample was obtained in 2012 and 2013. The study used ordered logit model to analyze the impact of social capital on household income in Malaysia. The results of this study show that social capital variables that are used have a positive impact on the highest and moderate household income group. Among the variables that influence consists of the involvement in association/organisation, contact with friends via social media and sharing information. This study revealed that social capital are found to affect the level of household income and to assist the socio-economic population.*

*Key word: social capital, social capital elements, ordered logit model, household income by group*

### **PENGENALAN**

Modal sosial diiktiraf sebagai pelengkap kepada modal manusia, modal fizikal dan modal kewangan yang dapat mempengaruhi pembangunan ekonomi sesebuah negara di peringkat makro dan mikro (World Bank, 2010). Modal sosial juga sebagai elemen yang boleh menyatukan masyarakat dan wujud dalam pelbagai bentuk dan peringkat, bermula daripada keluarga hinggalah ke peringkat institusi nasional (Bullen dan Jenny, 1999). Bermula dengan individu yang membentuk pertalian dan jaringan sosial berdasarkan prinsip saling percaya, sifat memberi dan menerima, hubungan dan jaringan dalam modal sosial berupaya melancarkan aktiviti dan kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Modal sosial amat berhubung rapat dengan pencapaian ekonomi sesebuah negara. Pelbagai faktor mempengaruhi peningkatan modal sosial di mana ini amat berkait rapat dengan usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah ekonomi dan sosial masyarakat di peringkat nasional dan wilayah. Antaranya ialah usaha pihak kerajaan dalam menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi dengan memberi tumpuan kepada aspek kemiskinan, jurang antara penduduk bandar dan luar bandar dalam pelbagai aspek dan memperluaskan peluang pekerjaan (Malaysia, 2010). Di samping itu, kos sara hidup yang semakin meningkat beserta bebanan turun naik harga minyak dan barang runcit telah memberi impak yang besar kepada perbelanjaan isi rumah di Malaysia turut memberi impak negatif kepada modal sosial.

Kajian World Bank (2010) pula mendapati kadar gaji di Malaysia hanya meningkat sebanyak 2.6 peratus setahun bagi tempoh 10 tahun kebelakangan berbanding produktiviti buruh yang meningkat sebanyak 6.7 peratus. Kementerian Sumber Manusia (2008) melaporkan sejumlah 33.8 peratus pekerja sektor swasta menerima gaji kurang daripada RM700 sebulan. Justeru itu, pihak kerajaan membuat pembaharuan melaksanakan gaji minimum<sup>1</sup> dilihat sebagai keperluan dalam menangani masalah ekonomi dan sosial di Malaysia, bertujuan mengatasi ketidakcekapan dalam pasaran buruh, menggalakkan peningkatan produktiviti, mengurangkan kadar kemiskinan dan ketidaksetaraan gaji pekerja berpendapatan rendah.

Oleh kerana modal sosial dilihat semakin penting dan diakui sumbangannya kepada isi rumah dan pembangunan negara, maka kajian ini bertujuan menganalisis sejauh mana modal sosial berupaya mempengaruhi tingkat pendapatan isi rumah di Malaysia. Secara lebih spesifik, objektif pertama kajian ini ialah mengenalpasti sejauh mana tahap modal sosial dalam kalangan isi rumah Malaysia. Objektif kedua menganalisis sejauh mana modal sosial memberi impak positif terhadap tingkat pendapatan isi rumah, dan ketiga menganalisis faktor-faktor penentu modal sosial dalam mempengaruhi tingkat pendapatan isi rumah berasaskan tiga kumpulan pendapatan isi rumah di Malaysia. Perbincangan artikel ini terdiri daripada lima bahagian, iaitu pengenalan, diikuti kajian lepas, metodologi kajian mengandungi persampelan, sumber data dan model kajian. Bahagian keempat mengandungi dapatan kajian dan bahagian akhir ialah kesimpulan dan cadangan.

## KAJIAN LEPAS

Beberapa dekad kebelakangan, konsep modal sosial telah menarik perhatian penyelidik dalam bidang ekonomi, sosiologi, sains politik dan pengurusan (Woolcock & Narayan, 2000; Mouw, 2002). Putnam (1993) menekankan aspek kepercayaan, norma dan rangkaian.

Selain modal fizikal dan kewangan, modal sosial merupakan satu input yang sangat penting bagi memastikan ekonomi yang mapan. Banyak kajian yang telah dibuat mengkaitkan hubungan antara modal sosial dan pertumbuhan ekonomi serta kepentingan modal tersebut (Helliwell, 1996).

Abu Sufian dan Anizah (2004) menggambarkan modal sosial sebagai satu bidang yang universal kerana boleh dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti kesihatan, pertumbuhan ekonomi, integrasi kawasan dan globalisasi. Kajian Fukuyama (1995) pula menyatakan bahawa mekanisme pengaruh nilai sivik dalam pencapaian ekonomi adalah pelbagai di mana bersifat meluaskan tahap kepercayaan yang wujud dalam masyarakat, mengurangkan kos transaksi dalam pasaran ekonomi, meminimumkan kerugian luput (*dead-weight lost*) dan mengurangkan kemunduran ekonomi disebabkan masalah kekacauan dan kecurian.

Kajian Knack (2002) berupaya menunjukkan kejayaan pihak kerajaan dalam meningkatkan modal sosial, iaitu menerusi amalan pentadbiran yang baik dan mendapat kepercayaan rakyat. Selain menyumbang kepada peningkatan prestasi ekonomi, modal sosial turut mendatangkan kesan progresif dalam meningkatkan akses penduduk (terutama golongan miskin) terhadap peluang ekonomi, memperbaiki agihan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan. Ini bermaksud wujudnya hubungan positif antara modal sosial dengan tingkat pendapatan dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara. Robinson (1999) mendapati bahawa peningkatan (penurunan) dalam hubungan sosial antara individu dan kumpulan akan membantu dalam meningkatkan (mengurangkan) tingkat pendapatan dan mengurangkan (meningkatkan) perbezaan pendapatan isi rumah.

Menurut Maluccio et al. (1999), modal sosial dan tahap pendidikan memberi pulangan yang signifikan kepada pendapatan isi rumah. Faktor hubungan pula merupakan salah satu komponen penting modal sosial dan amat mempengaruhi kadar syarat perdagangan, maka secara tidak langsung mempengaruhi pendapatan dan agihan pendapatan. Bagi Fukuyama (2002) dalam kajiannya mendapati

<sup>1</sup> Gaji minimum sebanyak RM900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan bagi Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

pelbagai negara yang menunjukkan bahawa modal sosial yang kuat akan merangsang pertumbuhan pelbagai sektor ekonomi kerana adanya tingkat rasa kepercayaan yang tinggi dan hubungan dalam jaringan yang luas antara individu.

Kajian Herman (2011) yang menggunakan data daripada 26 buah negara Eropah mendapati terdapat hubungan yang positif antara modal sosial dan modal manusia dengan tingkat pendapatan bagi setiap negara dan juga sampel kumpulan negara. Dapatannya berupaya menjawab objektif kajian yang dibuat, iaitu kesan modal sosial ke atas pendapatan individu dan mengkaji hubungan kuat antara rakan dan kenalan mempunyai kesan yang besar ke atas pendapatan berbanding hubungan yang kuat antara saudara mara. Dalam kajian sebelumnya, Herman (2008) mempersoalkan peranan jaringan sosial dalam mempengaruhi tingkat pendapatan individu. Kajiannya mempersoalkan adakah jaringan sosial menghasilkan faedah dalam bentuk perolehan pendapatan yang tinggi.

Kajian Boxman et. al. (1991) ke atas perolehan pendapatan pengurus-pengurus Dutch mendapati modal sosial menerusi jaringan sosial mempunyai kesan positif ke atas pendapatan. Kajian mereka turut membuat kesimpulan bahawa modal sosial dapat membantu memperoleh pendapatan pada bagi semua tahap pendidikan individu dan tiada perbezaan dalam tahap pendidikan untuk memperoleh modal sosial yang tinggi (Boxman et.al., 1991). Kajian Fukuyama (1995) pula menjelaskan kejayaan sesuatu dasar/usaha pihak kerajaan bergantung kepada sejauh mana modal sosial terjalin dalam kalangan masyarakat. Ini kerana peningkatan tingkat produktiviti misalnya bergantung kepada kerjasama dengan pihak swasta dan tingkat agihan pendapatan penduduk pula bergantung kepada sejauh mana kerjasama wujud masyarakat. Whiteley (1997) mendapati bahawa modal sosial memberi kesan yang kuat kepada pertumbuhan ekonomi dan menegaskan bahawa pengaruh modal sosial kepada pertumbuhan ekonomi adalah sama penting dengan kesan modal manusia, iaitu tahap pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi

Seterusnya kajian Grootaert dan Narayan (2001) mendapati bahawa modal sosial mengurangkan kebarangkalian insiden kemiskinan di kalangan penduduk Bolivia. Kajian Mohd Nasir et al. (2010) pula mendapati pulangan kepada pelaburan dalam modal sosial lebih besar dalam kalangan isi rumah miskin di Malaysia berbanding isi rumah yang memiliki harta (tanah) yang banyak. Sementara Granovetter (1973) pula membuat kesimpulan bahawa rangkaian sosial langsung menerusi hubungan dengan saudara- mara dan rakan rapat mempunyai kesan ke atas peralihan pekerjaan. Apa yang menarik ialah pertalian yang lemah (hubungan jauh) mendominasi pertalian erat (saudara mara) bagi peralihan pekerjaan dan upah. Oleh itu, Lai et al (1998) juga memperoleh hubungan yang positif antara faktor modal sosial dengan tingkat pendapatan. Selanjutnya Montgomery (1992) pula mendapati bahawa rangkaian mempunyai kesan positif ke atas peralihan pekerjaan tetapi tidak bagi upah tinggi serta pertalian yang lemah. Kajian Green Tiggles dan Diaz (1999) yang menunjukkan bahawa menggunakan orang dalam seperti rakan atau saudara-mara dalam mencari pekerjaan menyebabkan individu menerima upah yang rendah bagi golongan *Hispanics* tetapi menerima upah yang tinggi bagi golongan berkulit putih.

Borghans et al. (2006) menunjukkan bahawa interaksi sosial merupakan penentu penting dalam pasaran buruh termasuk carian pekerjaan dan upah. Kajian mereka turut menunjukkan bahawa individu yang kekurangan modal manusia dan modal kewangan, lazimnya menggunakan modal sosial untuk membantu mereka berjaya dalam pasaran buruh. Dapatan kajian Borghans et al. (2006) adalah serupa dengan dapatan kajian Elliot (1999) yang menyatakan bahawa pekerja yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah dalam kejurangan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi selalunya menggunakan hunungan tidak formal dalam mencari pekerjaan dan hubungan tidak formal ini merupakan sumber utama bagi pekerja-pekerja ini dalam mendapatkan pekerjaan. Ini membuktikan bahawa modal sosial mempunyai hubungan yang positif ke atas pendapatan individu kerana digunakan sebagai sumber utama dalam mencari pekerjaan.

Bagi aspek keusahawanan, pencapaian modal sosial dalam mempengaruhi meningkatkan kejayaan/keuntungan sesebuah perniagaan turut tidak dinafikan. Bagi perniagaan baru, modal sosial sangat penting dalam meningkatkan pembangunan sebuah perusahaan kecil dan sederhana (Portes, 1998). Modal sosial juga dapat membantu usahawan dalam mendapatkan akses (seperti maklumat dan kewangan) kepada pihak berkepentingan (seperti bank dan koperasi) (Noorasiah et al, 2007). Oleh kerana matlamat utama perusahaan adalah menggunakan kemahiran perniagaan untuk mencipta nilai sosial melalui inovasi maka nilai ekonomi berfungsi sebagai cara untuk mencapai matlamat tersebut dan bukannya untuk kepentingan usahawan sendiri (Mair & Marti, 2006). Sekiranya perniagaan beroperasi tanpa elemen modal sosial (kepercayaan, jaringan dan norma sosial) maka adalah tidak sukar untuk menggerakkan sumber modal lain seperti modal manusia dan modal kewangan walaupun kedua-duanya adalah cekap dan produktif (Sims, 2006).

## METODOLOGI KAJIAN

### Sumber Data

Data dikumpul pada tahun 2012 dan 2013 terdiri daripada ketua isirumah lelaki dan wanita. Daripada 2600 soal selidik yang diterima, sejumlah 2443 (94.0%) adalah soal selidik lengkap. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan ketua isi rumah lelaki dan wanita yang bekerja melibatkan hanya 1899 orang responden (77.73%). Data dikumpul dari negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mewakili negeri maju bagi wilayah barat, tengah dan selatan, sementara Kedah dan Terengganu mewakili negeri kurang maju bagi wilayah utara dan timur.

Borang soal selidik mengandungi empat bahagian utama, iaitu Bahagian A mengandungi maklumat profil responden seperti latar belakang, maklumat pendapatan dan perbelanjaan isi rumah. Bahagian B pula merupakan maklumat mengenai jaringan dan komunikasi. Bahagian C adalah maklumat mengenai norma dan budaya yang diukur melalui semangat bantu- membantu dalam kalangan isi rumah. Seterusnya bahagian terakhir, iaitu bahagian D adalah maklumat mengenai hubungan rapat/ jalinan berasaskan elemen agama, bangsa/ budaya, bahasa dan status ekonomi. Item-item dalam setiap instrument adalah berbentuk laporan sendiri (*self report*) dan kesemua item diukur menggunakan skala pemeringkatan daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

### Konstruk Pemboleh Ubah

Kajian ini mengambil kira pelbagai pembentukan konstruk modal sosial berdasarkan takrifan daripada sorotan literatur. Sebanyak 19 item modal sosial dibentuk ke dalam tiga dimensi modal sosial untuk di analisis dengan lebih lanjut. Setiap dimensi disesuaikan ke dalam 3 konstruk utama modal social, iaitu (1) Jaringan, (2) Kebolehpercaya dan (3) Pengaruh kerohanian, budaya dan norma. Dalam menganalisis modal sosial terhadap tingkat pendapatan isi rumah, kajian ini menggunakan model regresi logit tersusun (*ordered logit*). Kajian ini menggabungkan ciri-ciri demografi dan komponen modal sosial yang terdiri daripada pemboleh ubah jaringan sosial dan komunikasi (penglibatan dalam persatuan, bilangan rakan rapat dan hubungan dengan rakan rapat), kebolehpercaya terhadap rakan (hubungan rapat dengan rakan) dan pengaruh kerohanian, budaya dan norma (perkongsian maklumat).

Jadual 1 menunjukkan keterangan bagi komponen modal sosial dan item yang mewakili komponen modal sosial. Ralat varians (*varians error*) merupakan sumber variasi bagi kesemua item (19 item) yang mewakili komponen modal sosial. Ralat varians merupakan ralat pengukuran (*measurement error*) yang terdiri daripada ralat pengukuran rawak (*random measurement error*) dan ralat pengukuran tidak rawak (*non-random measurement errors*) yang timbul daripada masalah ralat persampelan.

### Model Kajian

Dalam model logit tersusun, pemboleh ubah bersandar terdiri daripada tiga skala kumpulan pendapatan, sementara pemboleh ubah penerang terdiri daripada konstruk modal sosial. Model logit tersusun (*ordered logit*) ini ditunjukkan melalui persamaan (1) di bawah.

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

$P_i$  ialah pemboleh ubah bersandar yang merupakan ukuran bagi skala pendapatan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kumpulan pendapatan rendah, kumpulan pendapatan pertengahan dan kumpulan pendapatan tinggi ( $Y=1$ ). Kebarangkalian untuk memilih selain daripada itu adalah ( $Y=0$ ), di mana;

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (2)$$

Oleh itu, nisbah kebarangkalian memilih pendapatan mengikut tingkat pendapatan adalah;

$$e^z = P_i / (1 - P_i) \quad (3)$$

Persamaan (3) di transformasikan menjadi model logaritma sehingga menghasilkan persamaan (4).

$$Z_i = \ln (P_i / (1 - P_i)) = \ln e^{z_i} = B_0 + B_1 X_1 + B_2 X_2 + \dots + B_n X_n \quad (4)$$

Persamaan (5) menunjukkan model logit tersusun apabila pemboleh ubah bersandar tercerap dalam rantaian dengan M kategori. McKelvey dan Zavoina (1975) mencadangkan rangka kerja berdasarkan persamaan (1). Berasaskan persamaan (3) dan (4), satu model khusus logit tersusun boleh dibentuk seperti dalam persamaan (5).

$$\ln \left( \frac{P_i}{1 - P_i} \right) = \ln e^{\beta_i} = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} X_{12} + \beta_{13} X_{13} + \beta_{14} X_{14} + \beta_{15} X_{15} + \beta_{16} X_{16} + \beta_{17} X_{17} + \beta_{18} X_{18} + \beta_{19} X_{19} + \mu \quad (5)$$

Di mana  $X_{1n}$  adalah vektor bagi pemboleh ubah bebas seperti dalam Jadual 3, sementara  $\mu$  adalah sebutan ralat dan  $\beta$  adalah vektor bagi pekali regresi. Jadual 3 menunjukkan definisi bagi setiap pemboleh ubah bagi persamaan (5).

Pendapatan bulanan isi rumah adalah sebagai pemboleh ubah bersandar dikategorikan kepada tiga kumpulan pendapatan berasaskan pengkategorian yang dibuat oleh EPU (2015). Kumpulan pendapatan bulanan isi rumah dibuat pengkategorian kerana kajian ini menggunakan model logit tersusun (*ordered logit*). Kategori 40% Terendah (dengan purata pendapatan bulanan RM3050 dan ke bawah) menggunakan skala 3, kumpulan 40% Pertengahan (RM3051-6950) dengan skala 2 dan skala 1 bagi kumpulan 20% Tertinggi (RM6951 dan ke atas)<sup>2</sup>. Analisis regresi ordinal bertujuan mendapatkan persamaan dalam meramal pemboleh ubah yang terdiri daripada satu atau lebih pemboleh ubah bebas/penerang, sementara pemboleh ubah bersandar diukur dalam skala ordinal dengan dua kategori atau lebih.

Pemboleh ubah bersandar tingkat pendapatan isi rumah bagi kategori tingkat pendapatan terendah menjadi asas kepada isi rumah kategori kumpulan pendapatan tinggi dan sederhana. Satu hipotesis awal dibuat bagi menjangkakan kesan modal sosial terhadap tingkat pendapatan kumpulan isi rumah mengikut kategori yang dijelaskan. Hipotesis nul ( $H_0$ ) menyatakan bahawa perbezaan antara kumpulan pendapatan isi rumah di Malaysia adalah tidak dipengaruhi oleh faktor modal sosial. Hipotesis penyelidikan ( $H_1$ ) pula menyatakan bahawa perbezaan antara kumpulan pendapatan isi rumah di Malaysia dipengaruhi oleh faktor modal sosial.

## HASIL KAJIAN

### Analisis Deskriptif

Jadual 4 memaparkan analisis deskriptif berhubung profil responden. Hasil analisis ke atas sejumlah 1899 orang responden yang memberikan maklumat lengkap terdiri daripada responden lelaki seramai 1306 orang (68.8%) dan baki 593 orang adalah responden perempuan (31.2%). Kumpulan etnik utama di Malaysia terdiri daripada melayu, cina, india dan lain-lain dikumpulkan bagi kajian ini. Kaum melayu sejumlah 1326 orang (69.8%), cina 424 orang (22.3%), india 129 orang (6.8%) dan lain-lain 20 orang (1.1%). Selain itu, bagi pembolehubah umur, hampir keseluruhan responden berada di peringkat umur antara 21 hingga 30 tahun (28.1%). Bagi kategori umur antara umur 31 hingga 40 tahun, terdapat sejumlah 509 orang, sementara kategori umur antara 41 hingga 50 tahun diwakili oleh 484 orang responden dengan peratus masing-masing sebanyak 26.8% dan 25.5%.

Kategori umur melebihi 60 tahun dan masih bekerja ialah seramai 62 orang (3.3%). Daripada jumlah tersebut. Dapatan ini adalah sesuatu yang menarik berhubung jangka hayat penduduk Malaysia yang telah menunjukkan meningkat. Di samping itu, kumpulan umur ini juga menunjukkan bahawa tahap kesihatan penduduk juga telah meningkat kerana masih mampu bekerja walaupun telah melebihi umur persaraan.

Pembolehubah tahap pendidikan menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai tahap pendidikan menengah, iaitu seramai 985 orang (51.9%). Tahap sijil dan diploma adalah kedua tertinggi (21.2%), diikuti kelulusan tinggi (ijazah, sarjana & PhD) sejumlah 16.8%, sementara tahap pendidikan rendah mewakili 10.1%. Kepelbagai dalam tahap pendidikan ini dapat mengelakkan bias bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dengan tingkat pendapatan tinggi. Ini juga dapat menunjukkan sejauh mana modal sosial itu sendiri dapat memberi pengaruh secara langsung terhadap tingkat pendapatan responden.

<sup>2</sup> Maklumat kumpulan pendapatan berdasarkan kepada penyiasatan isirumah dan kemudahan asas 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tingkat pendapatan responden yang diukur melalui tiga kumpulan pendapatan menunjukkan bahawa tingkat pendapatan RM3050 ke bawah adalah tertinggi iaitu sebanyak 1554 orang (81.8%). Bagi kumpulan pendapatan RM 3051- RM6950 adalah sebanyak 316 orang mewakili 16.6% dan kumpulan tertinggi iaitu RM 6951 ke atas adalah seramai 29 orang (1.5). Min. Skor bagi tingkat pendapatan adalah 2.80 manakala sisihan piawai adalah sebanyak 0.434. Nilai minimum dan maksimum masing-masing 1.00 dan 3.00.

Lokasi responden juga di ambil kira dimana terdapat sebanyak 36.6% responden yang tinggal di luar bandar dan 63.4% responden tinggal di bandar. Sektor pekerjaan utama bagi responden adalah sektor swasta yang mempunyai peratus sebanyak 72.3 %. Dari segi kategori pekerjaan pula, kebanyakan responden terdiri daripada responden yang bekerja di sektor pekerjaan kemahiran sederhana yang meliputi pekerja sokongan perkeranian, perkhidmatan dan jualan, mahir pertanian, perhutanan dan perikanan, kemahiran dan pertukangan yang berkaitan dan operasi loji dan mesin serta pemasangan mewakili 59.1%. Responden yang bekerja di kategori kemahiran tinggi adalah kedua tertinggi (26.1%), diikuti dengan pekerja kemahiran rendah adalah 14.8%.

### Dapatan Kajian

Kesan modal sosial ke atas tingkat pendapatan telah dianalisis dengan menggunakan juga model logit tersusun. Secara keseluruhan, hasil keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa secara signifikan model hipotesis sepadan dengan data kajian keputusan ini. Namun begitu terdapat juga beberapa pemboleh ubah yang tidak sepadan dengan hipotesis hasil kajian, namun tidak memberi kesan gangguan terhadap penganggaran.

Jadual 5 menunjukkan hasil penganggaran model regresi logit tersusun (*ordered logit*). Ujian statistik nisbah kebolehdajadian chi-square yang mempunyai nilai signifikan menggambarkan padanan keseluruhan model logit tersusun adalah baik. Kumpulan pendapatan terendah (PIR3) digunakan sebagai asas dalam membandingkan pengaruh modal sosial ke atas kumpulan pendapatan tertinggi dan sederhana. Di dapati modal sosial memberi pengaruh terhadap kumpulan pendapatan tertinggi (PIR1) dan kumpulan pendapatan pertengahan (PIR2), menunjukkan keputusan adalah signifikan berbanding kumpulan pendapatan terendah (PIR3). Secara keseluruhan juga menunjukkan hampir ke semua pemboleh ubah penerang mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar pendapatan.

Keputusan penganggaran ini menunjukkan bahawa kesemua faktor penglibatan dalam persatuan seperti ekonomi, NGO dan politik adalah signifikan kecuali item keagamaan. Ini bermakna kebarangkalian semakin banyak penglibatan isi rumah dalam persatuan yang berkaitan dengan ekonomi, NGO dan politik semakin tinggi modal sosial mereka dan ini akan cenderung untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Dapatan ini juga disokong oleh Putnam (2000) yang menganggap jaringan pertubuhan sukarela/bukan bersifat keuntungan sebagai salah satu sumber yang penting kepada modal sosial. Ini turut melibatkan penyertaan komuniti dalam organisasi/persatuan, kehadiran masyarakat dalam urusan (aktiviti) awam, penglibatan komuniti dalam aktiviti sukarela, dan aspek kepercayaan antara individu dalam komuniti. Tindakan bersama juga bergantung kepada jaringan sosial misalnya pertubuhan yang memainkan peranan pergerakan sivik yang betul, tindakan bersama boleh membentuk jaringan yang baru.

Knack dan Keefer (1997) menyatakan kepercayaan, norma kerjasama dan persatuan di dalam kumpulan. Dapatan kajian Maluccio et al. (1999) telah disokong oleh penemuan kajian Grootaert (1999) yang antara lain mendapati isi rumah yang terlibat secara aktif dalam aktiviti persatuan sama ada sebagai ahli atau terlibat dalam proses membuat keputusan adalah lebih berkemampuan untuk meningkatkan pemilikan aset fizikal dan tabungan seterusnya memperbaiki tingkat pendapatan dan taraf kehidupan mereka.

Bagi persatuan, item politik menunjukkan signifikan secara negatif ke atas tingkat pendapatan isi rumah pada aras keertian 1%. Ini menggambarkan bahawa kebarangkalian terdapat pengurangan penglibatan dalam isi rumah dalam persatuan berkaitan dengan politik yang mempunyai nilai modal sosial yang rendah terhadap tingkat pendapatan. Kajian ini disokong oleh Temple (1999) yang mendapati negara sedang membangun secara relatifnya mempunyai modal sosial yang rendah disertai dengan politik yang lemah, pelaburan dan pertumbuhan yang rendah. Kesemua pemboleh ubah ekonomi, keagamaan, NGO dan politik adalah pemboleh ubah dami yang direkodkan dengan 1 jika 'Tidak' dan 2 jika 'Ya'.

Seterusnya, koefisien bagi kesemua faktor bilangan rakan rapat pada model ini didapati signifikan secara positif dan menunjukkan nilai lebih tinggi daripada kumpulan pendapatan terendah (PIR3) pada aras keertian 1%. Dapatan kajian ini menunjukkan bilangan rakan rapat yang ramai dan bertambah berkemungkinan mampu untuk meningkatkan modal sosial di kalangan rakan rapat

seterusnya mampu meningkatkan pendapatan isi rumah. Analisis ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasir et al (2009) dimana hubungan sosial yang dibentuk di kalangan jiran tetangga, rakan rapat dan rakan sekerja berdasarkan norma hidup baik bukan sahaja akan mewujudkan semangat kerjasama dan tolong menolong tetapi turut memberikan impak positif terhadap peratus dan tingkat pendapatan isi rumah.

Bagi hubungan rakan rapat pula menunjukkan nilai signifikan bagi internet dan aktiviti pada aras keertian 1% dan nilai lebih tinggi daripada kumpulan pendapatan terendah (PIR3) sebanyak 0.885 dan -2.070. Bagi aktiviti nilai signifikan secara negatif menunjukkan bahawa kebarangkalian peningkatan dalam seunit (tahun) aktiviti akan menurunkan kebarangkalian hubungan dengan rakan rapat sebanyak 2.07%.

Di dapati hubungan rapat dengan rakan secara keseluruhannya mempunyai nilai signifikan terhadap tingkat pendapatan iaitu melalui agama, bahasa dan status ekonomi. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini adalah positif dengan nilai koefisien iaitu 0.426, 0.432 dan 0.379. Nilai ini adalah lebih tinggi daripada kumpulan pendapatan terendah (PIR 3). Ini menunjukkan bahawa kebarangkalian hubungan rapat antara isi rumah melalui agama, bangsa dan status ekonomi adalah baik dan menyebabkan modal sosial terhadap tingkat pendapatan sangat mempengaruhi antara satu dengan lain. Dapatan ini disokong oleh penemuan kajian lepas oleh Psacharopoulos & Arriagada (1986). Namun demikian, pemboleh ubah bangsa tidak mempengaruhi kekerapan modal sosial ke atas tingkat pendapatan secara signifikan.

Bagi faktor perkongsian maklumat, pemboleh ubah agama dan bangsa menunjukkan nilai yang signifikan dan mempunyai nilai lebih tinggi terhadap pendapatan tahap tiga masing-masing sebanyak 0.433 dan 0.383. Jika dilihat daripada hasil analisis model logit tersusun ini, pemboleh ubah agama pada kedua-dua faktor merupakan nilai signifikan. Ini membawa maksud elemen agama adalah sangat penting terhadap isi rumah dalam meningkatkan modal sosial. Dapatan analisis ini disokong oleh kajian Moser (1996) dan Narayan dan Pritchett (1997). Hal ini membuktikan bahawa modal sosial merupakan aset penting dalam tingkat pendapatan isi rumah kerana peranannya dalam pembangunan masyarakat.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa hubungan akrab dengan rakan sekaligus membentuk jaringan dan norma kepercayaan penting dalam menjana modal sosial yang positif. Menerusi kajian ini juga didapati wujud hubungan antara modal sosial dengan tingkat pendapatan isi rumah. Keputusan penganggaran model regresi memperlihatkan terdapat beberapa item di dalam modal sosial mempengaruhi modal terhadap agihan tingkat pendapatan. Tingkat pendapatan tertinggi dan sederhana juga dilihat sangat mempengaruhi tingkat pendapatan terendah. Kajian ini membuktikan modal sosial sangat penting dan menyumbang kepada tingkat upah isi rumah. Pelaburan ke atas modal sosial di lihat sebagai salah satu sumber yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sesebuah negara. Keputusan ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran mengenai kepentingan elemen- elemen dalam modal sosial iaitu perhubungan, kepercayaan dan norma hidup baik untuk diamal dan dipertahankan oleh setiap anggota masyarakat.

Beraskan dapatan daripada kajian ini, beberapa saranan boleh dibuat. Pertama, modal sosial yang tinggi boleh dicapai melalui sokongan politik dan dasar kerajaan, jaringan formal dan tidak formal. Kekuatan dalam modal sosial juga mampu menggalakkan perniagaan perusahaan melalui perkongsian jaringan antara usahawan. Modal sosial yang melibatkan pelbagai rangkaian, berupaya menjana aliran maklumat yang dapat meningkatkan kefahaman ahli masyarakat tentang sesuatu pekerjaan, peluang-peluang perniagaan serta pertukaran idea.

Isi rumah perlu lebih proaktif terlibat dalam persatuan/pertubuhan yang sangat mempengaruhi tingkat pendapatan sejajar dengan langkah kerajaan untuk memperkukuh modal sosial menerusi program kerajaan berbentuk latihan keusahawanan dan bantuan kewangan yang dibuat oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Small and Medium Industry Development Corporation* (SMIDEC), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN), *Small Medium Enterprise Development Bank Berhad* (SME Bank) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan banyak lagi.

Sungguhpun pelbagai langkah dan usaha dilakukan oleh pihak kerajaan, individu dan masyarakat sendiri perlu mempunyai inisiatif untuk mempertingkatkan modal sosial, khususnya dalam kalangan isi rumah bekerja. Ini kerana isi rumah bekerja kadang kala tidak mementingkan modal sosial kerana faktor kesibukan bekerja. Usaha untuk mempertingkatkan lagi masyarakat terlibat dalam pembentukan modal sosial perlu dilakukan secara lebih menyeluruh. Pihak kerajaan perlu menjadi medium pelaksana dalam membentuk jaringan, kepercayaan dan seumpamanya. Sememangnya fungsi

kerajaan adalah tunjang utama bagi memartabatkan modal sosial individu. Ini kerana modal sosial yang berkualiti dapat memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pertumbuhan yang tinggi akan meningkatkan tahap pendapatan penduduk dan seterusnya taraf hidup, akhirnya menjamin keselamatan sosial masyarakat, meningkatkan tahap kesihatan, keharmonian serta kesejahteraan yang berterusan agar dapat melangsungkan pertumbuhan ekonomi.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan Projek Penyelidikan Modal Sosial dan Agihan Pendapatan Isi Rumah Di Malaysia, Geran Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Kod projek: FRGS/1/2011/SS/UKM/02/9).

## RUJUKAN

- Abu Sufian Abu Bakar., Anizah Md. Ali (2004). Kepentingan Modal Sosial Dalam Pertumbuhan Ekonomi. *IJMS (Special Issue)*. 11, 197-212.
- Borghans, L., Weel, B. & Weinberg, B.A.(2006), "People People: Social Capital and the Labor Market Outcomes of Underrepresented Groups", *NBER Working Paper Series*, w11985, National Bureau of Economics Research, Inc.
- Boxman, Ed A.W., De Graaf, P.M. and H.D. Flap. (1991). The impact of sosial capital and human capital on the income attainment of Ducth managers. *Social Network* 13: 51-73
- Bullen P. dan Onyx J., "Social Capital: Family Support Services and Neighbourhood and Community Centres in NSW." dlm. *Family Support Services and Neighbourhood and Community Centre*, 1999.
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: Sosial Virtues and the Creation of Prosperity*. NY: Free Press.
- Fukuyama, F. 2002. Social Capital, Tanner Lecture on Human Value.
- Granovetter, M., (2000). The economic sociology of firms and entrepreneurs. In R. Swedberg (Eds.), *Entrepreneurship: The social science view (244-275)*. Oxford: Oxford University Press.
- Granovetter, The Strength of Weak Ties. *American Journal of Sociology*, 78: 1360-1380
- Green, G. P., Tigges, L. M. & Diaz, D. (1999), "Racial and Ethic Differences in Job- Search Strategies in Atlanta, Boston and Los Angeles", *Social Sciences Quarterly* 80(2):263-78
- Grootaert, C. (1999). Social capital, household welfare, and poverty in Indonesia. *World Bank Policy Research Working Paper*. No. WPS2148.
- Grootaert, C., & Narayan, D. (2001). Local institutions, poverty, and household welfare in Bolivia. *World Bank Policy Research Working Paper*. No.2644.
- Helliwell, J.F. (1996). *Economic growth and social capital in Asia* (National Bureau of Economic Research Working Paper W5470). Cambridge, Mass.
- Herman. (2008). 'What does endogenous growth theory tell about regional economies? Empirics of R&D worker-based productivity growth'. *Regional Studies*, 42(7), 974-960.
- Herman. (2011). "Social Capital and Human Capital". *Encyclopedia of Community*. 2003. SAGE Publications
- Kementerian Sumber Manusia (2008). National Employment Returns, Putrajaya.
- Knack, S., & Keefer, P. (1997). Does social capital have an economic payoff ? A cross-country investigation. *Quarterly Journal of Economics*, 112(4), 1251-1288.
- Knack, S.(2002). Social capital, growth, and poverty: A survey of cross-country evidence. In Grootaert, C. et al (Eds.), *The role of social capital in development. An empirical assessment*. Cambridge University Press.
- Mair, J. & Marti, I. (2006). Social entrepreneurship research: A source of explanation, prediction and delight. *Journal of World Business*, 41, 32-44.
- Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Ke- Sepuluh 2010-2014*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Maluccio, J., Haddad, L., & May, J. (1999). *Social capital and income generation in South African, 1993-98*, A paper presented at IDSIFPRI workshop on "Economic Mobility and Poverty Dynamics in Developing Countries", April 1999.
- McKelvey, R. D. & Zavoina, W. 1975. A statistical model for the analysis of ordinal level dependent variables. *Journal of Mathematical Sociology* 4: 103-120.
- Mohd Nasir Mohd Saukani., Rahmah Ismail, Ishak Yussof (2009). Modal Sosial dan Agihan Pendapatan Isi Rumah Di Semenanjung Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV)*,1: 158-168



- Mohd. Nasir Mohd Saukani, Rahmah Ismail, Ishak Yussof (2010). Indeks modal sosial dan agihan pendapatan di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 17(2), 253–274.
- Montgomery, J.D. (1992). “ Job Search and Network Composition: Implications of the Strength-of-Weak-Tie Hypothesis”. *American Sociological Review* 57: 586-9
- Moser Caroline, 1996. *Confronting Crisis: A Comparative Study of household Response to Poverty and Vulnerability in Four Poor Urban Communities*. Environmentally Sustainable Development Studies and Monographs, Paper 8. Washington, D.C.: World Bank.
- Mouw, T. (2002).” Social Capital and Job Search: Do Contacts Matter?” *Mimeo*, University of North Carolina.
- Narayan, D., & Pritchett, L. (1997). Cents and sociability: Household income and social capital in rural Tanzania. *Economic Development and Cultural Change*, 47, 871-889.
- Noorasiah Sulaiman & Mohd. Nasir Mohd Saukani. (2007). Modal sosial dalam mempertingkatkan daya saing firma perusahaan kecil dan sederhana (PKS). *International Journal of Management Studies*. 14 (2), 93-111.
- Portes, A., (1998). Social capital: Its origin and applications in contemporary sociology. *Annual Review of Sociology*, 24, 1 - 24.
- Psacharopoulos, G. & Arriagada, A. M. 1986. The Educational Attainment of Labor Force: An International Comparison. Discussion Paper No. 38, Education and Training Series, Washington, D.C.: The World Bank.
- Putnam, R. D. (1993). *Making democracy work: civic institutions in modern Italy*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Putnam, R. D. (2000) *Bowling alone: the collapse and revival of American community*. New York: Simon and Schuster.
- Robinson, L. J., & Siles, M.E. (1999). Social capital and household income distributions in the United States: 1980, 1990. *Journal of Socio-Economics*, 28, 43–93.
- Sims, E. (2006). Social capital in firms, alliances & clusters: Why it is important for productivity and competitiveness: And how to build it, in Wee-Liang, T. (Eds.), *Social capital in Asia: An exploratory study*. Asian Productivity Organization (APO). social entrepreneurs. *Journal of World Business*. 41(1), 6-20
- Temple, J. (1999, March). The new growth evidence. *Journal of Economic Literature*, 37(1), 112-156.
- Unit Perancangan Ekonomi. (2015). Retrieved from <http://www.epu.gov.my/>
- Whiteley, P. (1997). *Economic growth and social capital* (Policy Paper 6-1997. University of Sheffield). Retrieved from. <http://www.shef.ac.uk/uni/academic/N-Q/perc/Polpaps/pp6.htm>
- Woolcock, M., & Narayan, D. (2000). Social capital: Implications for development theory, research, and policy. *The World Bank Research Observer*, 15, 225–249.
- World Bank (2010). The Complete World Development Report 1978-2010. Published April 27, 2010 by World Bank. ISBN: 978-0-8213-8039-0.

JADUAL 1: Konstruk Dan Item Modal Sosial

Konstruk	Item
<b>Jaringan</b>	
Penglibatan dalam persatuan	X1: Ekonomi X2: Keagamaan X3: NGO X4: Politik
Bilangan rakan rapat	X5: 1-4 orang X6: 5-10 orang X7: > 10 orang
Hubungan dengan rakan rapat	X8 : Bersemuka X9 : Internet X10: Telefon, sms & mms X11: Aktiviti anjuran persatuan disertai
<b>Kebolehpercaya</b>	
Hubungan rapat dengan rakan	X12: Kepercayaan agama X13: Bangsa X14: Bahasa X15: Status ekonomi

**Pengaruh kerohanian, budaya dan norma**

Perkongsian maklumat menerusi	X16: Kepercayaan agama
	X17: Bangsa
	X18: Bahasa
	X19: Status ekonomi

Sumber: Soal Selidik, 2012/2013

JADUAL 3: Definisi Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah	Definisi
PIR1	Kumpulan pendapatan tertinggi
PIR2	Kumpulan pendapatan pertengahan
PIR3	Kumpulan pendapatan terendah
X <sub>1</sub>	Penglibatan dalam persatuan isi rumah berkaitan dengan ekonomi
X <sub>2</sub>	Penglibatan dalam persatuan isi rumah berkaitan dengan keagamaan
X <sub>3</sub>	Penglibatan dalam persatuan isi rumah berkaitan ngo
X <sub>4</sub>	Penglibatan dalam persatuan isi rumah berkaitan politik
X <sub>5</sub>	Bilangan rakan rapat sedikit
X <sub>6</sub>	Bilangan rakan rapat sederhana
X <sub>7</sub>	Bilangan rakan rapat ramai
X <sub>8</sub>	Hubungan dengan rakan rapat dibentuk menerusi bersemuka
X <sub>9</sub>	Hubungan dengan rakan rapat dibentuk menerusi internet
X <sub>10</sub>	Hubungan dengan rakan rapat dibentuk menerusi tel./sms/ mms
X <sub>11</sub>	Hubungan dengan rakan rapat dibentuk menerusi aktiviti
X <sub>12</sub>	Hubungan isi rumah dengan rakan rapat dipengaruhi oleh agama
X <sub>13</sub>	Hubungan isi rumah dengan rakan rapat dipengaruhi oleh bangsa
X <sub>14</sub>	Hubungan isi rumah dengan rakan rapat dipengaruhi oleh bahasa
X <sub>15</sub>	Hubungan isi rumah dengan rakan rapat dipengaruhi oleh status ekonomi
X <sub>16</sub>	Perkongsian maklumat menerusi agama
X <sub>17</sub>	Perkongsian maklumat menerusi bangsa
X <sub>18</sub>	Perkongsian maklumat menerusi bahasa
X <sub>19</sub>	Perkongsian maklumat menerusi status ekonomi
μ	terma ralat

JADUAL 4: Analisis Deskriptif Profil Terpilih

Pemboleh ubah	Bilangan Peratus		Pemboleh ubah	Bilangan Peratus	
<b>Jantina</b>	1306	68.8	<b>Sektor Pekerjaan</b>	479	25.2
Lelaki	593	31.2	Awam	1373	72.3
Perempuan			Swasta	47	2.5
			Multinasional		
<b>Umur</b>			<b>Tingkat Pendapatan (RM)</b>		
< 20	36	1.9	< 3050	1554	81.8
21-30	533	28.1	3051-6950	316	16.6
31-40	509	26.8	> 6951	29	1.5
41-50	484	25.5			
51-60	275	14.5			
> 61	62	3.3			
<b>Etnik</b>			<b>Taraf Pendidikan</b>		
Melayu	1326	69.8	Sek. rendah	192	10.1
Cina	424	22.3	Sek. menengah	985	51.9
India	129	6.8	Sijil/ diploma	403	21.2
Lain-lain	20	1.1	Ijazah ke atas	319	16.8
<b>Lokasi</b>			<b>Tahap kemahiran</b>		

Luar Bandar	695	36.6	<b>pekerjaan</b>			
Bandar	1204	63.4		Tinggi	496	26.1
				Sederhana	1122	59.1
			Rendah	281	14.8	

Sumber: Soal selidik 2012/2013.

JADUAL 5: Keputusan Regresi Logit Tersusun (*Ordered Logit*)

Pembolehubah Bebas	Koefisien ( $\beta$ )	Std. Error	Wald
Threshold			
Upah= <b>PIR 1<sup>a</sup></b>	6.087***	0.173	1238.586
Upah= <b>PIR 2<sup>b</sup></b>	4.989***	0.170	859.496
Persatuan			
( $X_1$ ) Ekonomi	0.189***	0.077	6.032
( $X_2$ ) Keagamaan	-0.128	0.082	2.400
( $X_3$ ) NGO	0.219***	0.093	5.576
( $X_4$ ) Politik	-0.399***	0.111	13.023
Bilangan Rakan Rapat			
( $X_5$ ) Rakan Rapat 1	2.425***	0.084	835.380
( $X_6$ ) Rakan Rapat 2	2.633***	0.089	866.868
( $X_7$ ) Rakan Rapat 3	2.592***	0.000	823.901
Hubungan Rakan Rapat			
( $X_8$ ) Bersemuka	2.981	240.253	0.000
( $X_9$ ) Internet	0.885***	0.112	61.924
( $X_{10}$ ) Tel. SMS	-0.024	0.165	0.022
( $X_{11}$ ) Aktiviti	-2.070***	0.122	285.794
Hubungan Rapat			
( $X_{12}$ ) Agama	0.426***	0.142	8.931
( $X_{13}$ ) Bangsa	-0.258	0.187	1.914
( $X_{14}$ ) Bahasa	0.432***	0.156	7.691
( $X_{15}$ ) Status ekonomi	0.379**	0.159	5.685
Perkongsian maklumat			
( $X_{16}$ ) Agama	0.433***	0.140	9.563
( $X_{17}$ ) Bangsa	0.383**	0.193	3.946
( $X_{18}$ ) Bahasa	-0.132	0.187	0.502
( $X_{19}$ ) Status ekonomi	0.171	0.170	1.008
Intersep	-6.087	-4.989	
LR Chisquare	274.940***		
Pseudo $R^2$	<b>0.135<sup>c</sup></b>	<b>0.207<sup>d</sup></b>	
N	1899		

Nota: *a* dan *b* mewakili model logit tersusun bagi tingkat pendapatan isi rumah (PIR) iaitu PIR1 adalah Kumpulan Pendapatan Tertinggi (RM6951 dan ke atas), PIR2 adalah Kumpulan Pendapatan Pertengahan (RM3051 hingga RM6950) dan PIR3 adalah Kumpulan Pendapatan Terendah (RM3050 dan ke bawah).

*c* berdasarkan Cox & Snell (1989) dan *d* berdasarkan Nagelkerke (1991).

Tanda \*\*\* adalah signifikan pada aras keertian 1%, \*\* signifikan pada aras keertian 5% dan \* signifikan pada aras keertian 10%.